

Perkembangan Islam di negeri China

(6)

Jasa Islam kepada China

Dalam makalah yang ke enam ini, penulisnya, tuan Haji Ibrahim T. Y. Ma, menggambarkan sejarah perjuangan umat muslimin Cina menentang penindasan dan mempertahankan kesucian agama Islam – P. Q

Oleh: Haji Haji Ibrahim T. Y. Ma

(Diterjemahkan dari bahasa Inggeris oleh A.B Hosni)

Meninjau Pemberontakan-pemberontakan Kaum Muslimin China yang telah kita sebutkan pada halaman-halaman yang lalu, mereka itu

Pemberontakan-pemberontakan itu yang dimulai dengan sebutan tiadalah dapat diberi beristirahat sedikit pun oleh

“hancurkanlah puak Manchu dan tegakkanlah puak Ming” pemberontak-pemberontak Islam itu. Jumlah luas daerah

telah berubah sama sekali menjadi benci membenci dan pemberontakan adalah satu setengah juta persegi batu

dendam kesumat antara kaum Islam dan puak Han daripada luas segenap daerah kerajaan itu, yakni

setelah beberapa kali gagal dalam tindakan puak musuh 3, 846, 000 satu persegi seluruhnya. Maka tidaklah

dengan melakukan penyembelihan-penyembelihan yang dahsyat, maka kaum berlebih-lebihan kalau kita sebutkan bahawa ada kira-kira 12

cerdik - cendikia Islam telah mempergunakan suatu juta rakyat yang telah terbunuh selama pemberontakan itu

semboyan yang baharu dengan maksud mempertahankan agama dari kedua belah pihak. Siasah bumi hangus yang

Islam sehingga titik darah yang penghabisan. Semboyan dipergunakan oleh puak Manchu membawa kerugian-kerugian yang

itu berbunyi: “Kaum Muslimin berjuang untuk besar pada bahagian sebelah barat dari negeri itu. Tetapi

mempertahankan agamanya dan bukan untuk merebut yang paling dahsyat ialah benci - dendam di antara puak

kekuasaan nasional”. Kalimah ini bererti bahawa kaum Han dan puak Islam yang sentiasa bermusuhan-bermusuhan dan

Muslimin tetap akan menganut dan mempertahankan agama sama sekali tidak mahu bekerjasama dalam segala

Islam dan membiarkan lain-lain kaum menyelenggarakan hal lapangan hidup.

ehwal nasional. Meskipun kaum Islam telah

dikalahkan, tetapi biarpun demikian mereka telah memberikan

pukulan-pukulan yang maha hebat kemaharajaan Manchu. Dalam

masa 268 tahun lamanya puak Manchu memerintah, sebagaimana

Adakah Sebab-sebab Sejarah yang Bersirat dalam Pembunuhan-pembunuhan

Kejam itu?

Sayang sekali ada terdapat hal yang sedemikian itu

berlangsung di luar peri kemanusiaan dimajukan oleh

Brigadier Ming Xiao Peng (kita telah mendengar nama yang kejam ini dalam pemberontakan yang pertama). Pegawai tentera Han yang telah menyerah diri kepada puak Manchu ini, telah memajukan suatu permohonan kepada Maharaja CHina, setelah baru sahaja habis berlakunya pemberontakan dari Mai La Yir dan Ding Guodong. Surat permohonan ni hanya baru dapat diketahui oleh umum setelah Pu Yi, Maharaja puak Manchu yang penghabisan, diturunkan dari takhta kerajaannya. Permohonan itu adalah demikian bunyinya:

1. Menganjurkan kepada puak-puak Han, supaya mereka belajar terus menerus berkenaan dengan tulisan-tulisan dan buku-buku mereka dan mereka harus terlebih dahulu lulus dalam kesusasteraan ini, sebelumnya mereka boleh menjawat pangkat yang rasmi. (Umumnya seseorang tidaklah dapat memahami semua tulisan-tulisan itu dan tidaklah ahli dalam kesusasteraan sebelum dia mencapai usia 40 atau 50 tahun. Seseorang yang telah berumur 50 tahun sudah cukup bosan akan nasionalismanya itu dan seseorang yang sudah berusia sedemikian itu kalau mendapat kerja pada pemerintah, tidak akan memikirkan kemerdekaan bangsanya sendiri lagi dan dia akan menyetujui semua bimbingan dari kaum Manchu)

2. Menganjurkan supaya bangsa-bangsa Monggol dan Tibet menjadi lama (sami). Sesuatu keluarga di Mongolia dan Tibet yang mempunyai anak-anak lelaki, mestilah 60 peratus daripada jumlah anak-anak dijadikan lama atau sami. Sami-sami itu tak boleh kahwin, ini bererti suatu siasah mengurangi jumlah puak.

3. Menebarkan bibit-bibit benci dan dendam kesumat di antara kaum Islam dan Han. Yakni seandainya timbul

Cahaya

Di padang tandus manusia kurus

Dia menjelma kerana diutus.

Pembawa obor - penyinar kabur

Mengubah pedoman - kebinasaan lebur.

Walau bermula dia ditentang

Dengan beribu petualang jalang

Nama berundur menjadi pantang

Dia ditugas membawa terang.

Dia diutus akhir zaman

Pelebur segala asal kepercayaan

Begitu singkat dia memikat

Begitu cepat manusia terpicat.

Kini, segenap sudut cahaya berpesta

Segenap ketika dia dipuja.

Oleh : M. N Muda.

Pemberontakan-pemberontakan kaum Islam maka tentera yang akan dikirimkan ke sana ialah terdiri daripada bangsa-bangsa Han. Kepada puak-puak Han diberitakan bahawa kaum Islamlah pengacau semua kejadian-kejadian ini. Orang-orang Islam tidak hendak penerima penghidupan yang terkongkong itu dan tidak hendak mempelajari kesusasteraan dan cara tulisan yang pelik itu. Siasah ini dipakai oleh pemerintah untuk melagakan dan untuk melemahkan kekuatan kedua belah puak yang kuat itu di bawah pemerintahan maharaja Manchu. Puak Manchu faham bahawa mereka tidak dapat bertapak di China kalau tidak dengan sokongan dari suku bangsa Han yang meliputi kira-kira 85 peratus dari

jumlah bilangan penduduk. Dari sebab itu mereka memberikan kuasa-kuasa yang lebih kepada puak Han.

Rancangan Meng Xiao Peng ini berhasil, akan tetapi dengan memakan korban berjuta-juta rakyat, ia tidak dipuji oleh orang-orang Manchu dan bagi suku bangsanya sendiri, puak Han, dia dianggap sebagai seorang penjahat dan kesalahannya tidak dapat diampunkan mereka.

Akibat-akibat tipu daya Meng Xiao Peng


1. Kesetiaan kaum Islam kepada keturunan maharaja-maharaja Ming tidak diterangkan sejelas-jelasnya kepada puak Han. Yang mana kemudiannya pada babak akhir mereka ini salah faham pula. Propaganda tidak dikenal oleh kaum Islam.
2. Keadilan tidak dihargakan oleh gabenor-gabenor di daerah-daerah, yang mereka memegang undang-undangnya masing-masing. mereka memakai semboyan: "Seorang Jeneral tidaklah perlu mentaati titah Maharaja. Kalau mereka itu berada di luar istana"

3. Kekurangan alat-alat perhubungan, yang mana hal ini merugikan kedua belah pihak - baik bagi pihak pemerintah mahu pun bagi pihak kaum Muslimin.

Kenapa puak Islam selalu sahaja menderita kekalahan dalam perjuangan?

1. Banyak orang yang dapat sama-sama menahan penderitaan, akan tetapi mereka tak dapat sama-sama menerima kebanggaan dan kehormatan. Kaum Islam China tidaklah juga berkecuali dalam hal ini. Mereka selalu sahaja berselisih sesama sendiri, seandainya mereka memperoleh kemenangan. Syak wasangka dan tak senang hati adalah musuh-musuh yang besar dari pemimpin-pemimpin pemberontak itu.
2. Kekurangan kerjasama dengan orang-orang yang bukan Islam di dalam dan di luar negeri China.
3. Kekurangan pertubuhan dan disiplin.
4. Keliru berkenaan dengan erti dan terjemahan rukun-rukun Islam.

(bersambung)



Contoh Masjid Negara yang akan didirikan di Kuala Lumpur. Masjid ini memakan belanja 5 juta ringgit

dan boleh muat 9,000 orang, dan dijangka menjadi masjid yang terbesar sekali di Tenggara Asia.